



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN TENDER

NO. TENDER : PSUKPP/TENDER/6/2026

TAJUK : PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENYALIN BAGI BAHAGIAN/UNIT DI BAWAH PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG UNTUK TEMPOH TIGA PULUH LAPAN (38) BULAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkeelayakan dan memenuhi syarat di bawah:
 - i) berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** yang masih sah tempoh lakunya di bawah kod bidang berikut:
221502 - Penyewaan dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin; dan
010301 - Peralatan Penerbitan/Percetakan
 - ii) berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP);
 - iii) mempunyai sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate – TCC*) berstatus patuh dan masih sah;
 - iv) beralamat atau mempunyai cawangan yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang; dan
 - v) perolehan perkhidmatan ini dibuat secara tender.
2. Dokumen tender ini boleh dibeli dengan harga **RM100.00** secara atas talian dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **11 September 2026 (Jumaat)**.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **dua (2) sampul surat berbeza bagi bahagian teknikal dan bahagian kewangan** sampul yang berlakri serta ditandakan no. tender di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen tender tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 01 Oktober 2026 (Khamis) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Perolehan, Paras 30 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

4. **Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran tender di atas adalah menjadi tanggungjawab petender terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
5. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **seratus lapan puluh (180) hari** dari tarikh peti tender ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang